



Good food, Good life

PERADUAN DEAR NESTLÉ DAFTAR & MENANG

FAQ

S1: Bagaimana untuk menyertai?

J: TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai Peraduan ini.

LANGKAH 1: Anda mesti mendaftar sebagai Ahli Dear Nestlé BAHARU dahulu melalui Borang Pendaftaran Laman Web Peraduan:

https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1313367_2862/Peraduan-DearNestle-DaftarDanMenang.html

LANGKAH 2: Lengkapkan semua butiran wajib yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Borang Pendaftaran Laman Web Peraduan dan klik “Hantar”.

S2: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai peraduan ini?

J: Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai peraduan ini di:

<https://www.dearnestle.com.my/Peraduan-DearNestle-DaftarDanMenang>

S3: Bolehkah saya mendaftar sebagai Ahli Dear Nestlé melalui laman web Dear Nestlé atau di pautan laman web lain dan bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?

J: Peraduan ini hanya layak kepada ahli Dear Nestlé BAHARU yang mendaftar pada Borang Pendaftaran Laman Web Peraduan

(https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1313367_2862/Peraduan-DearNestle-DaftarDanMenang.html)

Setiap Peserta hanya boleh mendaftar sekali sebagai Ahli Dear Nestlé dan setiap Ahli Dear Nestlé BAHARU unik yang mendaftar melalui Borang Pendaftaran Laman Web Peraduan **HANYA layak untuk satu (1) penyerahan Penyertaan sahaja.**

Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Butiran Peribadi Peserta yang tidak lengkap, tidak sah dan/atau yang berbilang dan/atau ahli Dear Nestlé sedia ada akan dibatalkan.

S4: Adakah saya akan menerima balasan pemberitahuan selepas menghantar penyertaan saya?

J: Ya, anda akan menerima auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan selepas penghantaran Borang Penyertaan melalui laman web.

S5: Apakah umur penyertaan layak dan kelayakan penyertaan?

J: Peraduan ini adalah program perekrutan ahli baharu Dear Nestlé dan terbuka kepada semua penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan. Peserta mesti **mendaftar sebagai ahli Dear Nestlé BAHARU** di Laman Web Peraduan semasa Tempoh Peraduan.

S6: Apakah tempoh Promosi dan tarikh tutup penyertaan?

J: Promosi ini bermula jam 00:00:00 pada 26/10/2023 dan tutup jam 23:59:59 pada 20/12/2023.

Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 20/12/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.

S7: Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk peraduan ini?

J: Terdapat sejumlah 104 hadiah untuk dimenangi sepanjang tempoh peraduan.

Hadiah Bulanan x50 pemenang (x2 bulan)	Satu (1) PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM80
HADIAH UTAMA	
Hadiah Utama x1 pemenang	Satu (1) SAMSUNG Galaxy Z Fold 5
Hadiah Pertama x3 pemenang	Satu (1) SAMSUNG Tab S9 FE

S8: Apakah tempoh bulanan bagi Hadiah Bulanan?

J: 2 tempoh bulanan adalah seperti di bawah:

Bulan 1: 26/10/2023 – 22/11/2023

Bulan 2: 23/11/2023 – 20/12/2023

S9: Bagaimana anda memilih Pemenang Hadiah Bulanan?

J: Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Bulanan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan berdasarkan tarikh dan masa yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap Bulan, sepanjang Tempoh Peraduan (masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak.

Di akhir setiap tempoh bulan, nombor bersiri akan dibahagi kepada 50 untuk memperoleh nombor bersiri kemenangan. Nombor bersiri yang menang akan menjadi nombor bulat yang terdekat dan terendah yang dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

S10: Bagaimana anda memilih pemenang Hadiah Utama (Hadiah Utama & Hadiah Pertama?)

J: Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak yang dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan secara berasingan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".

Di akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak.

Di akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri akan dibahagi kepada 4 untuk memperoleh nombor bersiri kemenangan. Nombor bersiri yang menang akan menjadi nombor bulat yang terdekat dan terendah yang dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

Nombor bersiri kemenangan yang pertama akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama, dan nombor bersiri kemenangan yang kedua, ketiga dan keempat akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Pertama.

S11: Bagaimana pemenang-pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama ditentukan?

J: Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari Nombor Rasmi WhatsApp Peraduan: **6018 388 3317** ke nombor mudah alih Finalis yang dihantar dalam Penyertaan Layak.

Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab.

Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah.

Atas permintaan, semua Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah.

Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.

Sekiranya terdapat keraguan apabila menerima WhatsApp berikut, peserta boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk pengesahan.

S12: Berapakah jumlah hadiah yang boleh dimenangi oleh peserta sepanjang tempoh peraduan?

J: Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Peraduan:

- (a) satu (1) Hadiah Bulanan, dan
- (b) satu (1) Hadiah Utama dengan nilai tertinggi sahaja.

S13: Bagaimana saya tahu jika saya telah memenangi Hadiah?

J: Seperti dimaklumkan dalam S11, untuk memenangi hadiah, Finalis akan menerima mesej melalui WhatsApp di mana satu soalan mesti dijawab dengan betul dalam masa yang ditetapkan.

Pengumuman Pemenang akan dipaparkan dalam masa 6-8 minggu dari tarikh tutup Peraduan di laman web Penganjur di: <https://www.dearnestle.com.my/Peraduan-DearNestle-DaftarDanMenang>.

S14: Bagaimana untuk mendapatkan Hadiah saya?

J: Penganjur akan menghubungi semua Pemenang melalui WhatsApp dari nombor: **6018 388 3317** ke nombor mudah alih yang disediakan dalam penyertaan untuk menyatakan Hadiah mereka.

Hadiah Utama akan dihantar kepada Pemenang daripada Penganjur dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Peraduan. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.

Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar Hadiah Bulanan kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet kepada Pemenang melalui Nombor WhatsApp Rasmi Peraduan: **6018 388 3317** ke nombor mudah alih Pemenang yang dihantar dalam Penyertaan Layak dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Peraduan.

Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Hadiah.

Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.

S15: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang diperlukan.

PERHATIAN:

Pengguna digalakkan untuk memeriksa dan membaca Terma & Syarat Peraduan di laman web secara berkala untuk syarat tambahan seperti yang dinyatakan di bawah:

Terma & Syarat Peraduan:

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).